



KERAJAAN MALAYSIA

KENYATAAN SEBUTHARGA TERBUKA NO: JP/SP/PPA-FSP/HOB/RES/01/2024

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Sabah (PUKONSA) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam mana-mana Kelas, Tajuk dan Tajuk Kecil, Gred Kategori dan pengkhususan yang berkaitan seperti berikut dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

Tajuk Kerja	Syarat Pendaftaran, Gred, Kategori & Pengkhususan	Tempat Dokumen Sebutharga Diperolehi	Sesi Taklimat & Lawatan Tapak Mandatori
SEBUTHARGA UNTUK KERJA-KERJA RESTORASI HUTAN DI HUTAN SIMPAN SUNGAI SERUDONG (KELAS I), SERUDONG, SABAH	PUKONSA KELAS E Tajuk VI, Tajuk Kecil 2, 3 & 5 <u>DAN</u> Berdaftar dengan CIDB <u>ATAU</u> CIDB dan mempunyai SPKK dalam Gred G2 Kategori CE – Pengkhususan CE14	Bahagian Pembangunan Dan Perkhidmatan Am, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, Gr. Flr, Blk D, KM11, Jln Utara, Sandakan Sabah. (Tel: 089-242500) <u>ATAU</u> Pejabat Perhutanan Wilayah Tawau (Tel: 089-761863/866)	Tarikh:07/05/2024 (Selasa) Masa :9.00 Pagi Tempat: Pejabat Perhutanan Daerah Serudong KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN Kontraktor yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak TIDAK LAYAK untuk membeli dokumen sebutharga.

Kontraktor yang berminat menghadiri Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak dikehendaki mengesahkan kehadiran mereka. Hanya penama yang tercatat dalam Sijil Pendaftaran CIDB dan PUKONSA sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat Sebutharga dan Lawatan Tapak. Wakil adalah tidak dibenarkan. Bagi tujuan pengesahan, Sijil Asal dan Salinan hendaklah dibawa semasa sesi taklimat dan lawatan tapak beserta Cop Syarikat. **Pengesahan kehadiran hendaklah dibuat kepada Pegawai Pehutanan Daerah Serudong melalui Whatsapp di talian 01115289946 selewat-lewatnya jam 5.00 petang, 06.05.2024 (Isnin).** Maklumat projek hanya akan diedarkan kepada kontraktor-kontraktor yang mengesahkan kehadiran mereka.

Dokumen Meja Tawaran boleh diperiksa dan diperolehi mulai **07.05.2024 hingga 16.05.2024** pada waktu pejabat dengan bayaran Dokumen Sebanyak **RM50.00** senaskah. Bayaran Boleh dibuat secara Tunai di Bahagian Belanjawan dan Kewangan Jabatan Perhutanan Sabah. Bayaran tidak akan dikembalikan. **Dokumen Sebutharga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor-kontraktor atau wakil-wakilnya yang SAH sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat. SIJIL ASAL PUKONSA dan CIDB hendaklah dikemukakan semasa hendak membeli dokumen sebutharga.** Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar terus dan dimasukkan ke Peti Tawaran Sebutharga, Bahagian Pembangunan Dan Perkhidmatan Am, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Sabah, KM 11, Jalan Utara, 90009, SANDAKAN pada atau sebelum jam 12.00 Tengahari pada 16 Mei 2024 (Khamis).

KETUA KONSERVATOR HUTAN